

Harga minyak mentah meningkat semalam ke paras tingginya bulan ini berikutan peningkatan jangkaan di pasaran bahawa OPEC akan mengatasi pertikaian dalaman dan keraguan untuk mencapai persetujuan bagi mengurangkan output minyak mentah.

Namun, sesetengah memberi amaran bahawa kegagalan oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Petroleum (OPEC) untuk mencapai persetujuan pada mesyuarat 30 November ini atau melaksanakannya secara berkesan, akan menjejaskan harga berikutan lebihan bekalan dua tahun masih kekal.

Harga minyak mentah hadapan Brent meningkat 85 sen satu tong kepada AS\$49.75 pada 1000 GMT, dengan meningkat AS\$1 pada awalnya dalam usaha untuknya melepasi paras AS\$50 buat pertama kali sejak akhir Oktober.

Kontrak hadapan minyak mentah Amerika Syarikat (AS), West Texas Intermediate (WTI) naik 68 sen atau 1.4 peratus kepada AS\$48.92 satu tong.

Harga dilonjakkan oleh komen daripada pegawai Nigeria yang menghadiri mesyuarat teknikal OPEC, yang cuma untuk menghasilkan butiran lanjut perjanjian.

OPEC cuba untuk membawa 14 negara anggotanya, termasuk Arab Saudi dan Iran, dan negara bukan OPEC,

Russia bersetuju dengan pengurangan diselaraskan untuk melonjakkan pasaran.

Organisasi itu berkata, pada akhir September bahawa ia menyasarkan untuk mengurangkan pengeluaran kepada antara 32.5 juta dan 33 juta tong sehari berbanding pengeluaran rekod baru-baru ini kira-kira 33.8 juta tong sehari.

Sejak itu, keraguan tertumpu sama ada Arab Saudi dan Iran boleh mengetepikan pertikaian geopolitik mereka dan sama ada negara yang kewangan berada dalam keadaan yang teruk berikutan harga minyak yang rendah akan menahan keinginan untuk mengeluarkan minyak mentah pada kadar tinggi.

"Pandangan kami adalah terutamanya berdasarkan kepercayaan bahawa satu negara yang paling penting dalam OPEC, Arab Saudi, mahukannya, dan justeru itu keupayaan untuk disyaki menipu akan dikekang," katanya dalam satu nota.

Walaupun siling bagi keseluruhan pengeluaran OPEC mungkin dipersetujui pada 30 November ini, adalah tidak jelas sama ada kuota adalah jelas bagi setiap negara anggota akan ditetapkan.

Sesetengah negara seperti Nigeria, Iraq, Libya dan Iran, mengatakan mereka perlu dikecualikan kerana pengeluaran mereka dilanda konflik atau sekatan.

REUTERS